

Peraduan khutbah Jumaat sempena Hari OKU

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Gabungan mahasiswa pengajian Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyusun pelbagai aktiviti bagi meraikan sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) yang akan disambut pada 3 Disember ini.

Kelab Sukarelawan Dakwah OKU, iaitu Sahabat FAQEH@USIM (SaF@USIM) yang bernaung di bawah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM akan mengemudi acara sambutan itu yang menampilkan kelainan dalam menyantuni golongan OKU.

"Berebalkan misi Pendidikan al-Quran untuk Anak Istimewa, SaF@USIM akan mengadakan Program OKU Berdoa pada 5 Disember dengan kerjasama Jakim, Masjid Negara dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH)," kata satu kenyataan di sini, hari ini.

Program ini akan berlangsung di Dewan Syarahan Perdana, Masjid Negara yang turut menyambut Jubli Emas 50 Tahunnya pada tahun ini.

Program sambutan ini turut disokong oleh pelbagai institusi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) OKU termasuk Permata Kurnia, Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia, Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Persatuan bagi



Orang Buta Malaysia, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.

Bagi menyemarakkan sambutan ini, Pertandingan Penulisan Teks Khutbah Jumaat sedang berlangsung yang penyertaannya terbuka kepada pelajar dan orang awam.

Pertandingan ini diadakan berikutan tahap kesedaran pendidikan agama, terutamanya pendidikan al-Quran dan ibadah kepada anak istimewa atau OKU dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia masih memerlukan perhatian pelbagai pihak.

"Khutbah Jumaat yang merupakan medium informasi minggu umat Islam dilihat mampu memainkan peranan awal sebagai saluran penyampaian maklumat, memberi input kesedaran dari kaca mata agama berkaitan tanggungjawab komuniti terhadap golongan istimewa ini khususnya dalam memberi ruang dan peluang menerima dan mempraktik-

kan tuntutan agama," kata kenyataan itu.

Objektif pertandingan adalah untuk mengenengahkan isu dan cabaran OKU dalam beragama dan memupuk kesedaran masyarakat tentang peranan dan sumbangan mereka terhadap OKU.

Pertandingan ini juga menyasarkan usaha ke arah merealisasikan konsep 1Malaysia, iaitu prinsip keadilan untuk semua termasuklah memberi ruang dan peluang golongan ini merasa indahnya hidup beragama dan memperkasa penghayatan masyarakat terhadap konsep wasatiyyah dalam membina keutuhan ukhawah, perpaduan dan menghormati kemuliaan hak dan insani tanpa mengira keterbatasan kelainan dan keupayaan mereka.

Penulisan khutbah mesti mengandungi tertib penulisan khutbah biasa, skop berkaitan OKU dan agama, dan panjang teks 1,500 patah perkataan. Tarikh tutup pertandingan pada 28 November ini.

Di samping hadiah utama wang tunai RM1,000, teks yang terpilih akan dibaca semasa khutbah Jumaat di Masjid Negara pada 4 Disember ini.

Maklumat lanjut mengenai program OKU ini bolehlah menghubungi Wan Muhammad Faris Hakim di talian 014-228 9670 atau Cik Nursabirah di talian 011-19712012.